



Dari 1 September 2019, syarikat-syarikat hanya boleh meminta nombor Kad Pengenalan anda* jika diwajibkan di bawah undang-undang atau diperlukan untuk membuktikan identiti anda.

APAKAH YANG PERLU ANDA LAKUKAN?



01 TANYA

Adakah pemberian nombor Kad Pengenalan anda diwajibkan di bawah undang-undang, atau perlu untuk membuktikan identiti anda?

*Psst!
Anda hanya perlu menunjukkan Kad Pengenalan anda jika syarikat hanya perlu menyemak identiti anda.*

02 GUNA PILIHAN LAIN ▶▶

Sekiranya tidak diwajibkan atau diperlukan untuk membuktikan identiti anda, periksa jika syarikat tersebut menerima data peribadi yang lain seperti nombor telefon bimbit atau sebahagian daripada nombor Kad Pengenalan anda (contohnya XXXXX567A).



03 LINDUNGI

Sekiranya tidak diwajibkan, jangan biarkan mana-mana syarikat menyimpan Kad Pengenalan anda (walaupun untuk sementara waktu sahaja).

*Lakukan yang serupa bagi Nombor Pengenalan Asing (FIN), nombor Permit Kerja dan nombor Sijil Kelahiran, serta dokumen pengenalan yang mengandungi nombor tersebut.



Menyertai sebuah pertubuhan sebagai pekerja baharu



Mendaftar untuk penginapan di hotel



Mendapatkan rawatan di klinik perubatan



Melanggan talian telefon bimbit




Mendaftar diri ke institusi pendidikan swasta



BERI -ATAU- TIDAK

Berikut adalah beberapa contoh dimana anda perlu dan tidak perlu memberikan nombor Kad Pengenalan anda:



Penebusan tempat letak kereta percuma



Mendaftar untuk keahlian runcit atau pusat membeli belah



Mengemukakan maklum balas atau menunjukkan minat bagi sesuatu produk atau perkhidmatan



Pembelian tiket wayang dalam talian



Mengambil bahagian dalam cabutan bertuah